

'Jangan curigai dasar penswastan'

Oleh
MIOR KAMARUL SHAHID

Bagian asal dari Arkib
Negara Malaysia

KOTA BHARU, Sabtu — Datuk Musa Hitam mengingatkan peniaga dan pengusaha Bumiputera supaya jangan mencurigai dasar penswastan dengan alasan ia merugikan mereka.

Pemangku Perdana Menteri berkata, ada Bumiputera yang ragu-ragu serta khuatir bahawa dasar itu menjejaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan tidak memberi tempat kepada mereka.

Tetapi, beliau menegaskan bahawa Bumiputera yang tidak mengkapkan diri, tidak bersungguh-sungguh dalam bidang pengkhususan masing-masing serta tidak menguasai teknik pengurusan yang baik, akan ketinggalan dan kerugian.

Bellau menyatakan demikian ketika menutup seminar 'kejayaan dan cabaran peniaga-peniaga

Melayu' anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Cawangan Kelantan di Kem Kijang di sini.

Pemangku Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan sedang berusaha mengkaji dan meneliti semua aspek penswastan dari segi implikasinya ke atas DEB.

Terjejas

Tujuan penelitian itu ialah supaya dasar penswastan mengambil kira penglibatan Bumiputera keseluruhannya.

Menurutnya, golongan Bumiputera yang tidak memenuhi kehendak yang ditentukan itu akan terjejas kerana peluang yang timbul dari penswastan tidak akan teragih kepada mereka. "Apa tidaknya, orang ramai mengharapkan khidmat-khidmat kerajaan yang diambil alih oleh swasta itu akan

menjadi lebih baik, bukannya sebaliknya," tambahnya.

Menurutnya, jika sesuatu agensi kerajaan atau sesuatu perkhidmatan kerajaan itu hendak di-swastakan, kerajaan akan membuat pertimbangan rapi supaya proses penswastan itu akan memberi peluang seluas-luasnya kepada peniaga dan pengusaha Bumiputera yang mampu mengambil alih.

Bagi projek-projek lain yang sedang disenarai-kan untuk penswastan, kemampuan Bumiputera akan diambil kira supaya Bumiputera tidak terlinggah dalam konteks pelaksanaan DEB.

Datuk Musa juga gembara kerana semakin ramai anak-anak muda Bumiputera bergiat di bidang ekonomi dan bersaing dengan mereka yang telah lama menjalankan perniagaan.

Menurutnya, kebolehan mereka hendaklah diakui berasaskan kepada pengetahuan dan kebolehan mereka.

Bellau juga menggesa Bumiputera supaya berlari pantas dan berlingkad lebih rapi untuk menangkap kekurangan yang terjejas berkaitan kemeseletan ekonomi seterusnya menuju ke tahun 1990.

Datuk Musa Hitam juga mengengkan perlunya pengusaha Bumiputera menyambardan bergiat dalam perniagaan yang masih belum menarik minat mereka.

Pemangku Perdana Menteri berkata, untuk tujuan itu, mereka mesti meneliti pengalaman sekeliling yang berjaya hingga ke peringkat antarabangsa.

Sebagai contoh, Datuk Musa berkata, mereka mesti mempelajari bagaimana kaum Cina di negara ini membina per-

niagaan dan perusahaan mereka.

Katanya, kaum ini tiada agensi untuk memberi pinjaman khas serta nasihat, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri atau Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) untuk memberi rumah-rumah kedai dan tempat perniagaan.

Bellau berkata, kaum itu juga tidak mudah mendapat tanah dan serba kekurangan dalam berbagai hal.

Bellau yakin peniaga dan pengusaha Bumiputera mempunyai azam yang sama.

Pemandu LLN maut

KUALA LUMPUR, Sabtu — Seorang pemandu Lembaga Leirik Negara mati digilas keretapi barang dekat Kilometer 6.5, Jalan Kucing, Segambut, semalam.